



Our copy.

AHLI PARLIMEN MALAYSIA

GOMBAK

26 Mac 2014

**YB Tan Sri Datuk Seri Panglima
Pandikar Amin Bin Hj Mulia**
Yang di-Pertua Dewan Rakyat
Bangunan Parlimen
Jalan Parlimen
50680 Kuala Lumpur



Tan Sri Yang di-Pertua,

**PERKARA: USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18 36(8)**

Dengan segala hormatnya kami merujuk kepada Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat 36(8) dan juga Artikel 127 Perlembagaan Persekutuan Malaysia, kami mengusulkan supaya ditangguhkan mesyuarat ini untuk merundingkan perkara yang tersebut di bawah.

Kami di sini mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini mengambil perhatian mengenai kelakuan hakim-hakim Mahkamah Rayuan iaitu Datuk Aziah Ali, Datuk Balia Yusuf Wahi dan Datuk Mohd Zawawi Salleh (selepas ini dirujuk sebagai “Hakim-Hakim tersebut”) dalam mensabitkan Ketua Pembangkang YB Dato’ Seri Anwar Ibrahim pada 7 Mac 2014 serta menjatuhkan hukuman 5 tahun.”

Perkara-perkara berikut menimbulkan persoalan-persoalan yang amat serius dan membimbangkan mengenai tindakan yang diambil oleh hakim-hakim tersebut:-



- i. Pada **11 Februari 2014**, setelah menolak permohonan oleh peguambela Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk memanggil semula saksi utama pendakwaan Judy Pereira (permohonan panggil semula Judy) , Hakim Mahkamah Rayuan termasuk Aziah Ali dan Zawawi telah membenarkan penggantungan prosiding rayuan yang pada awalnya telah ditetapkan pada **11 dan 12 Februari 2014** sehingga rayuan kepada Mahkamah Persekutuan dilupuskan.
- ii. Mahkamah juga telah menetapkan tarikh **28 Februari 2014 (Jumaat)** untuk pengurusan kes.
- iii. Kemudiannya, Pendaftar Mahkamah Rayuan telah memanggil peguambela Dato' Seri Anwar Ibrahim dan memberitahu bahawa pendengaran Rayuan akan ditetapkan pada tarikh-tarikh dari **7 hingga 10 April 2014** dan meminta diambil maklum.
- iv. Pada **25 Februari 2014 (Selasa)**, peguambela Dato' Seri Anwar Ibrahim telah memfailkan satu lagi permohonan untuk membatalkan perlantikan Muhammad Shafee Abdullah sebagai pendakwaraya di dalam Mahkamah Rayuan ("Permohonan membatalkan perlantikan Shafee").
- v. Pada **27 Februari 2014 (Khamis)**, Pendaftar telah memanggil peguambela Dato' Seri Anwar Ibrahim dan memberitahu bahawa pengurusan kes akan dimulakan keesokan hari pada **28 Februari 2014 (Jumaat)** pada pukul 9 pagi dan memberitahu bahawa tarikh-tarikh **7 hingga 10 April 2014** tersebut dilapangkan walaupun tiada apa-apa sebab yang munasabah untuk berbuat demikian.
- vi. Pada **28 Februari 2014 (Jumaat)**, secara luar biasa Hakim Aziah Ali sendiri telah mengendalikan pengurusan kes tersebut dan menetapkan **3 Mac 2014 (Isnin)** untuk pendengaran bagi permohonan membatalkan perlantikan Shafee. Pada keesokan hari iaitu **4 Mac 2014 (Selasa)** pula Mahkamah Persekutuan telah menetapkan pendengaran bagi rayuan untuk permohonan memanggil semula Judy. Hakim Aziah terus menetapkan **6 dan 7 Mac 2014 (Khamis dan Jumaat)** secara tergesa-gesa bagi pendengaran Rayuan walaupun:-

- a. satu perintah penggantungan prosiding sehingga pelupusan rayuan ke Mahkamah Persekutuan bagi permohonan memanggil semula Judy tersebut telahpun diberikan pada 11 Februari 2014 yang lalu;
 - b. Permohonan untuk membatalkan perlantikan Shafee belum didengari dan tidak diketahui keputusannya.
- vii. Lebih mengeruhkan keadaan ialah apabila Hakim Aziah Ali juga telah memaksa peguambela YB Karpal Singh menerima tarikh 6 dan 7 Mac tersebut walaupun pada tarikh-tarikh tersebut tidak sesuai bagi beliau memandangkan ada kes-kes lain yang ditetapkan untuk bicara. Hakim mengarahkan YB Karpal Singh untuk melapangkan kesemua tarikh-tarikh yang lain semata-mata untuk mendengar rayuan pendakwaraya terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim.
- viii. Tarikh **6 dan 7 Mac 2014 (Khamis dan Jumaat)** adalah beberapa hari sahaja sebelum hari penamaan calon Pilihanraya Kecil Kajang iaitu pada 11 Mac 2014 di mana Dato' Seri Anwar Ibrahim pada masa itu adalah bakal calon Pakatan Rakyat, yang mana ini menunjukkan tujuan tersirat untuk menghalang "Langkah Kajang" Pakatan Rakyat.
- ix. Pada **3 Mac 2014 (Isnin)**, Mahkamah Rayuan telah menolak Permohonan untuk membatalkan perlantikan Shafee dan juga terus menolak permohonan penggantungan rayuan sehingga pelupusan rayuan di Mahkamah Persekutuan. Dalam pada masa yang sama, Hakim Datuk Balia Yusof Wahi yang mempengerusikan panel Hakim-Hakim tersebut telah mengeluarkan perkataan-perkataan yang melanggar etika hakim dan tidak sesuai terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim iaitu dengan menuduh antara lain bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim cuba melengah-lengahkan perbicaraan prosiding tersebut yang menunjukkan prasangka dan berat sebelah yang ketara terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim.
- x. Pada **4 Mac 2014 (Selasa)**, Mahkamah Persekutuan telah tanpa asas dan tergesa-gesa membenarkan permohonan luar biasa Shafee untuk membatalkan rayuan permohonan memanggil semula Judy tersebut.

- xi. Pada **5 Mac 2014 (Rabu)**, peguambela Dato' Seri Anwar Ibrahim telah memfailkan notis rayuan terhadap keputusan permohonan untuk membatalkan perlantikan Shafee bertarikh 3 Mac 2014 tersebut dan pada sebelah petang **pukul 12.30 tengahari** tarikh yang sama iaitu pada **5 Mac 2014 (Rabu)** juga telah memfailkan satu Notis usul untuk penggantungan prosiding Rayuan pada **6 dan 7 Mac 2014 (Khamis dan Jumaat)** tersebut sehingga pelupusan rayuan ke Mahkamah Persekutuan.
- xii. Tiba-tiba pada tarikh yang sama iaitu pada **5 Mac 2014 (Rabu)** 3.30 petang, peguambela Dato' Seri Anwar Ibrahim diberitahu oleh pihak Mahkamah Persekutuan bahawa Mahkamah telah menetapkan permohonan untuk penangguhan prosiding rayuan itu akan didengari pada pukul **4.30 petang** hari yang sama. Apabila peguambela Dato' Seri Anwar Ibrahim, YB Karpal Singh memberitahu bahawa mereka perlu sampaikan suratcara permohonan kepada pihak Responden Jabatan Peguam Negara dan T/n Shafee & Co, dan juga perlu bersedia dengan fail dan hujahan, pihak Mahkamah secara luarbiasa mengatakan bahawa pertamanya, Mahkamah sendiri telah memaklumkan kepada pihak responden, dan keduanya, peguambela Dato' Seri Anwar Ibrahim hendaklah meneruskan dengan hujahan hari itu dan boleh dikecualikan dari memakai jubah di Mahkamah. Pihak Mahkamah Persekutuan secara luar biasa tetap bertindak tergesa-gesa untuk mendengar permohonan Dato' Seri Anwar Ibrahim pada petang itu sedangkan tidak apa-apa halangan menetapkan permohonan untuk penangguhan untuk pagi hari esok iaitu 6 Mac 2014. Gambaran yang diberikan adalah bahawa Mahkamah Persekutuan tidak mahu apa-apa gangguan kepada perjalanan rayuan Peguam Negara pada esoknya 6 Mac 2014. Maka adalah tidak memmeranjatkan apabila setelah mendengar hujahan peguam-peguam YB Karpal Singh dan YB Sivarasa Rasiah, permohonan penggantungan tersebut telah ditolak.
- xiv. Pada keesokan hari **6 Mac 2014 (Khamis)**, hari pertama Rayuan, Hakim-Hakim tersebut telah cuba mendesak peguambela Dato' Seri Anwar Ibrahim Ram Karpal menggulung hujahan beliau pada hari tersebut juga.
- xv. Pada **7 Mac 2014 (Jumaat)**, hari kedua perbicaraan, setelah hujahan dari kedua-dua pihak selesai lebih kurang pukul **4 petang**, ketiga-tiga Hakim Mahkamah Rayuan, telah menangguh prosiding untuk waktu yang singkat

dan terus memberi keputusan dengan mengenyahkan penghakiman Mahkamah Tinggi yang mendapati Dato' Seri Anwar Ibrahim tidak bersalah dan terus menyabitkan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Keputusan dibuat dalam masa satu jam padahal perbicaraan di peringkat Mahkamah Tinggi mengambil masa berbulan-bulan, melibatkan 27 saksi, beberapa ribu mukasurat nota keterangan dan isu rumit melibatkan keterangan DNA.

- xvii. Setelah sabitan dibacakan, peguambela YB Karpal Singh memohon masa selama seminggu untuk penyediaan mitigasi namun Hakim-hakim tersebut sekali lagi menolak dan memberi hanya satu jam persediaan untuk berhujah untuk menjatuhkan hukuman terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim, walaupun waktu mahkamah sudah menjangkau 5 petang iaitu selepas waktu rasmi Mahkamah.
- xviii. Hakim-hakim tersebut kemudiannya menolak permohonan YB Karpal Singh untuk masa seminggu bagi menyediakan laporan perubatan Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk menjelaskan keadaan kesihatan beliau bagi tujuan mitigasi untuk pertimbangan hukuman yang melibatkan pemenjaraan dan kemudiannya secara luarbiasa telah meneruskan mitigasi tanpa laporan perubatan. Malah Hakim Balia telah mengatakan bahawa dalam keadaan bagi kes Dato' Seri Anwar Ibrahim ini, mereka sedia untuk tidak mengendahkan keperluan laporan perubatan tersebut.


Berdasarkan fakta-fakta di atas, Dewan ini mendapati Hakim-Hakim tersebut tidak membuat keputusan berdasarkan fakta kes dan keadilan, tetapi secara berat sebelah untuk sebab-sebab tersirat dan prasangka terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim di mana ini dengan jelas melanggar Seksyen 7(3) dan Seksyen 8 (7) Kod Etika Hakim 2009.

Dan atas sebab-sebab ini Dewan ini mengecam tindakan-tindakan dan kelakuan Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Aziah Ali, Datuk Balia Yusuf dan Datuk Mohd Zawawi Salleh; dan menyeru supaya tindakan sewajarnya diambil ke atas mereka dibawah Kod Etika Hakim 2009.

Atas perkara yang tersebut di atas, saya memohon usul ini dibincangkan dengan segeranya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



Mohd. Azmin Ali
Ahli Parlimen Gombak

Mengikuti Perlembagaan Malaysia, disokong oleh:

1)



Nama: MANSOR BIN OTHMAN
Ahli Parlimen NIBONG TEBAL

2)



Nama: SIM TZE TIN
Ahli Parlimen BAYAN BARU

3)




Nama: WONG CHEAN
Ahli Parlimen KELANA JAYA

4)




Nama: DR LEE BOON AYE
Ahli Parlimen GOPENG

5)




Nama: FUZHIAH SALLEH
Ahli Parlimen KUANTAN

6)




Nama: Abdullah Faiz b. A. Hamid
Ahli Parlimen Kuala Langat

7)




Nama: Jimmy Wong Sze Phin
Ahli Parlimen 172 Kota Kinabalu

8)




Nama: CHARLES ANTHONY SANTIANA
Ahli Parlimen Klang.

9)




Nama: NG WEI AIK
Ahli Parlimen P49 TANJONG

10)




Nama: ONG KIAN MING
Ahli Parlimen SERDANG

11)




Nama: WONG TION FAT
Ahli Parlimen Sandakan P186

12)




Nama: GEEOR LING CHAI YEW
Ahli Parlimen SMU

13)




Nama: ER TECK HWA
Ahli Parlimen BAKRI (P145)

14)




Nama: NGEH KOH HAM
Ahli Parlimen BERUAS


15)


 Nama: Dato' MAFFUZ OMAR
 Ahli Parlimen POKOK SENGA


16)


 Nama: NASYRUDIN HASSAN
 Ahli Parlimen TEMERLOH


17)


 MOHAMMED Hamza
 MAIDIN
 Nama: _____
 Ahli Parlimen SEMPANG


18)


 Nama: DATO' DR. ONG KAH HOO
 Ahli Parlimen PAVIT BUKER


19)


 Nama: DR SITI MARIAH
 Ahli Parlimen KOTA RAJA


20)


 Nama: IDRIS BIN AHMAD
 Ahli Parlimen BKT GOMBAK


21)


 Nama: Nik Mohamad Abdul
 Ahli Parlimen PAER MAS


22)


 Nama: Nik Mazlan
 Ahli Parlimen PARIT PUTUH


23)


 Nama: HEE LOY SIAM
 Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan


24)


 Nama: MANIYANNAN GOWINDARAJAM
 Ahli Parlimen KAPAR (P109)


25)


 Nama: MD HAMID BIN IBRAHIM
 Ahli Parlimen LUMUT


26)


 Nama: GOOI HEE BOON LEUNG
 Ahli Parlimen ALOR SETAR


27)


 Nama: MICHAEL JAYAKUMAR DEVESAJ
 Ahli Parlimen Sg Siput


28)


 Nama: TIAN CHUA
 Ahli Parlimen BATU

29)


 Nama: ZURAIDA KAMARUDIN
 Ahli Parlimen AMPANG

30)



 Nama: AZMAN BIN ISMAIL
 Ahli Parlimen KUALA KEDAH

31)



Nama: KASTHURI PATTO
Ahli Parlimen BATU KAWAN

32)




Nama: JULIAN TAN KOK PING
Ahli Parlimen STAMPIN (P196)

33)




Nama: KO CHUN-SEN
Ahli Parlimen KAMPUR

34)




Nama: LOICE SIEW FOOK
Ahli Parlimen SEREMBAN

35)



Nama: ZAIRIL KHIR JOHARI
Ahli Parlimen Bukit Bendu

36)



Nama: NGA KOR MING
Ahli Parlimen TAIPING

37)




Nama: Teo Nie Ching
Ahli Parlimen Fulai

38)




Nama: Teresa Kok Suh Sim
Ahli Parlimen Seputeh


39)


 Nama: RAJA KAMARUL BAKIIN
 Ahli Parlimen KUALA TERENGGANU


40)


 Nama: SITI ZAILAH BT MOHD YUSOFF
 Ahli Parlimen RANTAU PANJANG


41)


 Nama: Khalid Abd Samad
 Ahli Parlimen Shah Alam


42)


 Nama: DR CHE ROSLI CHE MAT
 Ahli Parlimen HULU LANGAT


43)


 Nama: MOHD HATTA MD RAMLI
 Ahli Parlimen KUALA KRAI


44)


 Nama: AHMAD BAIHAKI ATIQULLAH
 Ahli Parlimen KUBANG KERIAN

45)


 Nama: IANI HUSIN
 Ahli Parlimen PENANGKASAN CHEPA

46)


 Nama: KAMARUDIN JAFFAR
 Ahli Parlimen TUMPAH

47)

Nama: DARELL AZHAR
Ahli Parlimen PENAMPANG.

48)

Nama: DR TAN KEE KWONG
Ahli Parlimen WANGSA MASU

49)

Nama: NORDIN RAFIQ RAMLI
Ahli Parlimen PANDAN

50)

Nama: Fauzi A. Rahman
Ahli Parlimen Indragiri Mahkota.

51)

Nama: KARAN SINGH
Ahli Parlimen BKT GELUGOR

52)

Nama: GOBIND SINGH DEO
Ahli Parlimen PUCHONG


53)

Nama: NURUL IZZAH ANWAR
Ahli Parlimen LEMBAY PANTAI


54)

Nama: Pua Kiam Wee Tony
Ahli Parlimen Setiawangsa


55)


 Nama: YB Ju Keow Siow
 Ahli Parlimen IRAH TIMUR


56)


 Nama: Chng Chng Jern
 Ahli Parlimen Bandar Kuching


57)


 Nama: YB Sim Tong Him
 Ahli Parlimen Kota Melaka

58)


 Nama: ALICE LAU KIONG YIENG
 Ahli Parlimen LANANG


59)


 Nama: YB JEFF OOI CHEAN ANN
 Ahli Parlimen Jelutong


60)


 Nama: SIM CHEE KEONG
 Ahli Parlimen BKT MEKTIJAM

61)


 Nama: YB Wong Ling Bin
 Ahli Parlimen P208 Serikan

62)


 Nama: Teo Kok Seng
 Ahli Parlimen Pasah

63).

78/8

80)

Nama: _____
Ahli Parlimen _____

LIEW CHIN TONG
KLUANG

Nama: _____
Ahli Parlimen _____

81)

82)

Nama: _____
Ahli Parlimen _____

Nama: _____
Ahli Parlimen _____

83)

84)

Nama: _____
Ahli Parlimen _____

Nama: _____
Ahli Parlimen _____

85)

86)

Nama: _____
Ahli Parlimen _____

Nama: _____
Ahli Parlimen _____